

BULETIN
Wacana

EDISI 2018

KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

MALAYSIA



Memupuk Semangat Cintakan Negara Melalui Program
Sambutan Bulan Kebangsaan Ms6



Program Kolaborasi
Bersama Industri Ms16



Kemeriahan Hari Keluarga
KKKP 2018 Ms20

SETINTA BICARA



HUZAIMAH HASHIM

PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

SIDANG REDAKSI

KETUA EDITOR

PUAN NORMAZLINA BINTI OTHMAN

EDITOR

PUAN NOORUL 'AIN BINTI MD SHARIFF

PENULIS

PUAN NURASYKIN BINTI FAZIL

PUAN SITI UBAIDAH BINTI YUSUF

PUAN SUZANNA BINTI SAMSUDIN

PUAN FARAH ZURIN BINTI SALLEH

PUAN NOOR AJUMA BINTI MAT HASSAN

PUAN NORZITA SUZALIN BINTI MOHD ALI

ENCIK AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN

TUAN HAJI MOHD SHAFIE BIN RAHAMAN

CIK WAN ZARA NATASHA BINTI WAN

MOHD ISA

GRAFIK

PUAN NOR ADILA HANIM BINTI AB KADIR

ENCIK AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya BULETIN WACANA kelahiran Kolej Komuniti Kuala Pilah (KKKP), Kementerian Pendidikan Malaysia dapat diterbitkan lagi bagi edisi 2018 (Edisi Pertama – 2017).

Tahniah dan terima kasih kepada semua warga kerja KKKP atas usaha dan komitmen dalam menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang 2018 dan seterusnya menyediakan laporan untuk diterbitkan dalam buletin ini.

Penerbitan buletin ini adalah salah satu wadah yang menjadi media penyalur maklumat yang berkesan kepada umum untuk mengikuti perkembangan aktiviti – aktiviti pelajar dan kakitangan KKKP sepanjang tahun 2018.

Satu perkataan yang boleh menggambarkan kami di KKKP pada tahun 2018 iaitu "Thrive". Kejayaan dan kemenangan dalam pertandingan-pertandingan kategori pelajar dan pensyarah yang telah kami raih serta pelbagai aktiviti bermanfaat telah kami jalankan.

Syabas kepada semua yang terlibat!

Akhir kalam, saya berharap pembaca dapat memanfaatkan input yang dikongsikan di BULETIN WACANA ini. Semoga KKKP terus cemerlang di masa hadapan.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga KKKP. Kejayaan dan pencapaian KKKP adalah hasil usaha dan komitmen semua.



ISI KANDUNGAN

M/S 02

SIDANG REDAKSI
SETINTA BICARA

EKSKLUSIF

M/S 04

PERISA 2018 : PENSYARAH RAIH 1 EMAS & 1 PERAK
MYSKRIP 2018 : PELAJAR RAIH 3 PERAK & 1 GANGSA

M/S 05

EDUINNOVATION 2018 : PENSYARAH RAIH 1 GANGSA
iCOMPLEX '18 : KKKP SAHUT CABARAN iCOMPEX

AKTIVITI

M/S 06

SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN KKKP

M/S 07

MAJLIS DIALOG & KOLABORASI INDUSTRI

M/S 08

PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN KKKP

M/S 09

KURSUS PEMBANGUNAN APLIKASI ANDROID

M/S 10

LANTERA AIDILFITRI 2018

M/S 11

SEJARAH & TEKNOLOGI : LAWATAN SAMBIL BELAJAR

M/S 12 - 13

JEJAK PROMOSI KKKP

M/S 14- 15

PENDAFTARAN PELAJAR SESI JUN 2018

M/S 16

LAWATAN KERJA KOLABORASI INDUSTRI

M/S 17

RAHSIA DI SEBALIK TIRAI BESI

M/S 18

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

M/S 19

LATIHAN INDUSTRI : PENDEDAHAN ALAM PEKERJAAN

M/S 20-21

HARI KELUARGA KKKP 2018

M/S 22-23

MEMORI 2018



16-18/10/2018

***Pertandingan Inovasi Pensyarah
TVET Pendidikan Tinggi Peringkat
Kebangsaan (PERISA '18)***

**PENCAPAIAN:
1 EMAS
1 PERAK
TAHNAH!**



10-11/10/2018

***Pertandingan
Rekrepta dan
Inovasi Pelajar
2018
(MYSKRIP2018)***

**PENCAPAIAN:
3 PERAK
1 GANGSA
TAHNAH!**





18/10/2018

EDUINNOVATION 2018

PENCAPAIAN:
1 GANGSA

TAHNNIAH!



**NATIONAL INNOVATION AND INVENTION
COMPETITION THROUGH EXHIBITION 2018
(ICOMPEX'18) - 20-22/03/2018**

Oleh: Suzanna Binti Samsudin (Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersialan)

PENCAPAIAN ICOMPEX:

PENSYARAH - EMAS (PEMBENTANGAN), GANGSA (INOVASI)

PELAJAR - PERAK (PEMBENTANGAN)

PENCAPAIAN RIETC:

3 PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN

**RESEARCH, INNOVATION, ENTREPRENEURSHIP AND
TOURISM CONFERENCE (RIETC 2018) - 6-7/10/2018**



SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN KKKP 2018

OLEH: SITI UBAIDAH BINTI YUSUF

Sempena menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-61 pada tahun ini, Unit Pembangunan Pelajar telah mengadakan satu program iaitu **Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Kolej Komuniti Kuala Pilah Tahun 2018.**

Program ini diadakan untuk memupuk semangat patriotik dalam jiwa seluruh warga Kolej Komuniti Kuala Pilah agar sentiasa sayang dan cinta kepada negara sekaligus berusaha untuk mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai ini.

Program ini telah dilancarkan pada 16 Ogos 2018 dan ditutup pada 14 September 2018.

AKTIVITI SEPANJANG BULAN KEBANGSAAN

16 Ogos 2018

Majlis Pelancaran Sambutan & Kempen Kibar Bendera

06 September 2018

Ceramah Pengundian Bersama SPR

07 September 2018

Explorace Jejak Sejarah

12 September 2018

Ziarah Kasih Merdeka
Pertandingan Lagu Patriotik
Kuiz Kenegaraan Kahoot.it

14 September 2018

Majlis Perasmian Penutup



MAJLIS DIALOG DAN KOLABORASI INDUSTRI

WILAYAH MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN

OLEH : AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN

Pada 13 September 2018 bertempat di Kolej Komuniti Masjid Tanah, suatu majlis dialog industri membincangkan hala tuju pelajar kolej komuniti peringkat wilayah Melaka dan Negeri Sembilan telah diadakan.

Program yang melibatkan lebih 15 industri dan 250 orang pelajar ini membuka ruang perbincangan antara pelajar dan wakil industri hal-hal berkaitan hala tuju program yang mereka sertai.

Di samping itu, majlis menandatangani sijil kolaborasi di antara pihak kolej dan industri juga turut berlangsung.

Seramai 16 orang pelajar Program Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih telah menghadiri program ini.

Mrfix Technologies merupakan syarikat yang terpilih untuk menjalankan kolaborasi industri bersama kolej komuniti kuala pilah.

Semoga program-program seperti ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa.





PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN KKKP

OLEH : MOHD SHAFIE BIN RAHAMAN

Selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Program Pembudayaan Keusahawanan KKKP Sempena Bulan Keusahawanan KPT 2018 ini adalah bertujuan untuk menyemai minda keusahawanan di dalam diri pelajar yang mampu melahirkan graduan yang bercirikan keusahawanan dan menjana pendapatan sendiri.

Kerjasama mentor dari kalangan agensi dan usahawan dalam pelaksanaan program memberi peluang kepada usahawan pelajar kolej komuniti untuk mendapat bimbingan semasa tempoh program dijalankan.

UNIT KEUSAHAWANAN

KURSUS PEMBANGUNAN APLIKASI ANDROID

OLEH: FARAH ZURIN BINTI SALLEH

Penggunaan teknologi peranti mudah alih seperti telefon pintar, tablet, *smartwatch* dan lain-lain semakin meluas dan popular serta menjadi keperluan dewasa masa kini.

Dengan kepesatan teknologi ini, banyak peluang kerjaya yang boleh diterokai. Salah satunya ialah membangunkan aplikasi dalam sistem Android.

Objektif kursus ini adalah memberi kemahiran dan ilmu baharu kepada para pensyarah mengenai pembangunan aplikasi android menggunakan perisian seperti Mobirise dan Microsoft Visual Studio 2017.

Impak dari kursus ini, pensyarah dapat menguasai kemahiran-kemahiran teknikal dalam pembangunan aplikasi Android dan bersedia untuk industri 4.0.

Di samping itu, peserta berjaya menyiapkan dan memuat naik aplikasi pertama yang dibuat ke *Google Playstore*.

Seramai 14 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah program STA dan pegawai kolej berjaya menghadiri kursus ini.



LANTERA AIDILFITRI 2018

Oleh : Siti Ubaidah Binti Yusuf



Sempena bulan syawal yang lalu, Unit Pembangunan Pelajar dengan kerjasama Kelab Kebajikan Kakitangan KKKP telah mengadakan majlis sambutan hari raya pada 13 Julai 2018.

Majlis yang dinamakan Lantera Aidilfitri ini telah diadakan bagi meraikan para pelajar baharu dan komuniti di sekitar kolej.

Turut hadir memeriahkan suasana sambutan ialah kakitangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, para pelajar dan kakitangan Sekolah Rendah Islam Darul Ulum dan komuniti di kawasan sekitar.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR

[PARLIMEN MALAYSIA & PUSAT SAINS NEGARA]

SEJARAH & TEKNOLOGI

OLEH : WAN ZARA NATASHA BINTI WAN MOHD ISA

Program kenali sejarah dan teknologi diadakan sebagai lawatan ilmiah ke Parlimen Malaysia dan Pusat Sains Negara bagi mendedahkan minat pelajar serta mengukuhkan pemahaman untuk subjek berkaitan Pengajian Am serta Teknologi Peranti Mudah Alih.

Program ini disertai oleh pelajar - pelajar Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih semester 1 dan 3.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada suasana di dalam persidangan Parlimen Malaysia serta memberi pengetahuan Sains dan Teknologi di Pusat Sains Negara.

Kedua - dua lawatan ini dapat memberi impak kepada para pelajar dalam memahami subjek Pengajian Malaysia, Sains serta subjek - subjek berkaitan teknologi.





Flicker@KKKP



KPTN 2018



Program Fiesta @ Pilah



Flicker@KKKP

JEJAK PROMOSI KKKP 2018

OLEH: NURASYKIN BINTI FAZIL



Program ReTour De' KoKoJel



Promosi Sempena Pengumuman Keputusan SPM 2017

**JEJAK
PROMOSI
KKKP 2018**
UNIT PROMOSI KKKP



Promosi Sempena Pengumuman Keputusan SPM 2017



DIARI PROMOSI KKKP 2018

OLEH: NURASYKIN BINTI FAZIL

JANUARI

- 22/1 : TAKLIMAT BERSAMA PPD KUALA PILAH
- 27/1 : PROGRAM KARNIVAL LEPASAN SEKOLAH 2018
- 27/1 : PROGRAM MY FUTURE PLKN

MAC

- 03/3 : PROGRAM MESRA KOMUNITI
- 10/3 : PROGRAM RE TOUR DE' KOKOJEL
- 14/3 : MINI KARNIVAL SAINS MATEMATIK,
PENDIDIKAN & KERJAYA 2018
- 14/3 : KARNIVAL KERJAYA DAN KEUSAHAWANAN
SMK DAS
- 15/3 : PROMOSI SEMPENA KEPUTUSAN SPM 2017
- 25/3 : KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA 2018

APRIL

- 04/4 : PROGRAM JELAJAH PENDIDIKAN BUMIPUTERA N9
- 22/4 : KARNIVAL PENDIDIKAN, USAHAWAN DAN
KERJAYA PERINGKAT DAERAH JEMPOL TAHUN
2018
- 17/4 : PROGRAM MOH MANJO D'MONCHEH KK TAMPIN
- 29/4 : PROMOSI KARNIVAL BELIA NEGARAKU

SEPTEMBER

- 08/9 : PROGRAM FIESTA @ PILAH
- 13/9 : PROGRAM KARNIVAL PENDIDIKAN DAN KERJAYA
SMK SENALING 2018
- 20/9 : PROGRAM JEJAK JUARA KOLEJ KOMUNITI
- 20/9 : PAMERAN KERJAYA SMK TUANKU MUHAMMAD

OKTOBER

- 19/10 : KARNIVAL IMARAH MASJID OLEK SEKAMPUNG
@SENANTI PERINGKAT DAERAH KUALA PILAH
BAGI TAHUN 2018
- 04/10 : PROGRAM FLICKER @ KKKP

UNIT PENGAMBILAN

PENDAFTARAN PELAJAR 2018

OLEH : NOOR AJUMA BINTI MAT HASSAN



Sesi taklimat ibu bapa
dan pelajar bersama pengarah
KKKP

AKTIVITI PENDAFTARAN PELAJAR

AMBILAN JUN 2018

Unit Pengambilan Kolej Komuniti Kuala Pilah bertanggungjawab menguruskan proses pendaftaran pelajar-pelajar ke kolej ini.

Bermula pada tahun 2018, kemasukan ke kolej komuniti dibuka melalui 2 kali ambilan sahaja iaitu pada ambilan Jun dan juga Disember.

Tempoh perkuliahan pula telah ditambah kepada 6 bulan bagi setiap semester berbanding dengan 4 bulan sebelum ini.

AKTIVITI PENDAFTARAN PELAJAR

AMBILAN JUN 2018

Proses pendaftaran pelajar bagi ambilan Jun 2018 telah dilaksanakan dengan jayanya pada 26 Jun 2018 dan melibatkan pendaftaran bagi 17 orang pelajar baru KKKP.

Pelajar-pelajar baru ini terdiri daripada 13 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan yang merupakan pelajar lepasan SPM 2017.

Pelajar-pelajar ambilan Jun 2018 ini juga bukan sahaja berasal daripada Kuala Pilah, tetapi dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia.

Bilangan pelajar yang mendaftar pada sesi Jun ini menunjukkan pertambahan berbanding dengan pendaftaran pada sesi Julai 2017 dan ini jelas menunjukkan penerimaan program ini dikalangan lepasan SPM.

Selain daripada itu, Unit Pengambilan juga terlibat di dalam beberapa siri promosi yang dianjurkan oleh Unit Promosi KKKP dan juga program di bawah Unit Pengambilan Wilayah Negeri Sembilan dan Melaka sepanjang tahun 2018 ini.

Program-program ini memberi ruang kepada kolej untuk terus giat memperkenalkan program Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih ini dikalangan pelajar sekolah, lepasan SPM dan juga belia-belia di negara ini.



LAWATAN KERJA KOLABORASI INDUSTRI KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH 2018

Oleh : Amir Arief Bin Zainal Abidin



Bagi memenuhi kehendak negara untuk melahirkan pekerja separa mahir yang memenuhi kehendak industri, kolaborasi bersama industri merupakan salah satu elemen penting dalam proses menaiktaraf pengetahuan dan kemahiran lepasan kolej komuniti.



Menyedari kepentingan isu ini, Kolej Komuniti Kuala Pilah (KKKP) telah mengatur langkah dengan mengadakan siri lawatan dan kolaborasi bersama industri.



Sebanyak tiga industri telah dipilih untuk menjalankan kerjasama strategik ini, iaitu **Kimmy Bunny Enterprise**, **Iz technology Resource** dan **De Ryza Enterprise**.

Industri yang terlibat merupakan syarikat yang menawarkan tempat latihan industri kepada pelajar KKKP. Terdapat juga syarikat yang telah mengambil alumni KKKP untuk terus bekerja bersama industri.

KOLABORASI BERSAMA:

- *Kimmy Bunny Enterprise*
- *Iz Technology Resources*
- *De Ryza Enterprise*

Di harapkan agar kerjasama strategik ini akan membuahkan hasil yang baik dimasa akan datang.

RAHSIA DISEBALIK TIRAI BESI

OLEH : SITI UBAIDAH BINTI YUSUF



Unit Pembangunan Pelajar telah berkerjasama dengan Unit Psikologi Kolej Komuniti Jelebu dan Kolej Komuniti Rembau mengadakan lawatan ke Muzium Penjara Malaysia, Melaka pada 11 Julai 2018 yang lalu.

Seramai 16 orang pelajar yang terdiri dari pelajar sem 1 dan sem 3 serta 3 orang pengiring telah mewakili Kolej Komuniti Kuala Pilah ke lawatan tersebut.

Sepanjang tempoh lawatan, para peserta telah diberikan penerangan & taklimat oleh Inspektor Mohd Khairul Azha bin Yem dan para pegawai yang lain.

Para peserta diberi pendedahan tentang proses yang dilalui oleh seorang banduan apabila dijatuhkan hukuman dan kehidupan sebenar banduan di dalam penjara.

Penerangan juga ada menyentuh mengenai kawalan keselamatan yang dilaksanakan bagi mengawal para banduan di dalam penjara.






OLEH : NORZITA SUZALIN BINTI MOHD ALI

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) - 2018

KPI (PESERTA) : 1440 ORANG
PENCAPAIAN : 1881 ORANG

TAHNNIAH!



PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH) -2018



KPI(PESERTA) : 144 ORANG
PENCAPAIAN : 195 ORANG
TAHNNIAH!



LATIHAN INDUSTRI: PENDEDAHAN ALAM PEKERJAAN

OLEH: AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN



Seramai 15 orang pelajar program Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih (STA) telah menjalani latihan industri bermula 2 Julai 2018 sehingga 19 Oktober 2018.

Kumpulan pelajar sulung Kolej Komuniti Kuala Pilah ini telah ditempatkan di beberapa buah syarikat dan kesemua penempatan pelajar adalah di atas pilihan pelajar sendiri.

Pada 1 dan 2 Oktober 2018 satu lawatan penyeliaan latihan industri telah dijalankan bagi memantau dan menyelia pelajar yang sedang melakukan latihan industri. Dari pemantauan yang dilakukan, rata-rata syarikat amat berpuas hati terhadap pelajar KKKP dan turut menawarkan pekerjaan kepada pelajar selepas tamat latihan industri.

Diharapkan agar kecemerlangan ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa di masa akan datang.



FAMILY DAY KKKP 2018!





@ TANJUNG
BIDARA BEACH
RESORT,
MELAKA




30 NOV - 01 DIS 2018





MEMORI 2018





MEMORI 2018





**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH
NO 33—41, JALAN 5, PUSAT KOMERSIAL MELANG,
72000 KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN**

06-481 2545 (Pejabat) | 06-481 1301 (Faks)



KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH



KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH



KK KUALA PILAH JPKK